

Daily
Express
2/8/96

UMS wujud makmal saham bersama syarikat broker

KOTA KINABALU, Khamis - Universiti Malaysia Sabah (UMS) hari ini menjadi institusi pengajian tinggi ayang pertama di negara ini mewujudkan makmal saham bersama sebuah syarikat broker saham di sini.

Pengwujudan makmal saham di kampus universiti itu merupakan sebahagian daripada hasil memorandum persefahaman (MoU) dan perjanjian kerjasama selama lima tahun antara UMS dan Innosabah Securities Sdn Bhd (Innosabah) yang ditandatangani di sini, hari ini.

Naib Canselor universiti itu, Datuk Dr Abu Hassan Othman berkata, Innosabah akan menyediakan kemudahan komputer bagi makmal itu yang akan membolehkan para pelajar dan pensyarah di universiti tersebut membuat penganalisisan yang berkaitan dengan industri dan juga saham.

"Sebuah perpustakaan penyelidikan berkaitan saham yang memuatkan semua analisis para pelajarnya juga akan ditubuhkan," katanya pada majlis menandatangani memorandum itu yang disaksikan Pembantu Menteri Kewangan, Datuk Karim Bujang.

Pengarah Eksekutif Innosabah, Encik Faidzan Hassan, dalam ucapannya berkata, penyertaan Innosabah itu adalah sebahagian daripada hasratnya untuk menyumbang ke arah pembangunan pendidikan di negeri ini.

Dr Abu Hassan berkata, mengikut perjanjian itu, 10 kursus dari sekolah perniagaan dan ekonomi UMS akan dijalankan secara kerjasama dengan Innosabah yang menyediakan kemudahan latihan praktikal kepada pelajar UMS.

"Penglibatan Innosabah dalam program UMS ini akan memberi pendedahan yang luas dan diharap membantu menghasilkan graduan UMS yang mempunyai kelebihan berbanding graduan universiti yang lain," katanya.

Beliau berkata, pada peringkat awal seramai 110 orang pelajar sekolah perniagaan dan ekonomi UMS terbabit dalam program kerjasama tersebut yang bermula pada semester 1 sesi akademik 1996/97.

"Jumlah itu dijangka meningkat kepada 600 pelajar dalam tempoh lima tahun," katanya.